

16/01/2003

Negeri sambut baik akta keluarga Islam diwartakan

Zulkofli Jamaludin; Maznah Darus; Veena Rusli; Azmi Md Deros; Johari
KUALA LUMPUR: Beberapa kerajaan negeri menyambut baik arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya undang-undang keluarga Islam diwartakan bagi menyelesaikan dakwaan berlaku perundangan Islam tidak seragam.

Pemimpin kerajaan negeri mengakui tidak mempunyai halangan untuk berbuat demikian dengan syarat segala prosedur mengenainya diselesaikan, terutama dari aspek pentadbiran selain keperluan untuk mengkaji enakmen sedia ada.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, kerajaan negeri tidak menghadapi masalah mewartakan segera undang-undang keluarga Islam bagi memastikan tidak wujud percanggahan yang boleh menimbulkan implikasi negatif terhadap umat Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri perlu meneliti terlebih dulu undang-undang berkenaan sama ada ia sudah diseragamkan atau sebaliknya.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Adnan Yaakob, berkata Pahang sudah mewartakan Undang-Undang Keluarga Islam bagi menyeragamkan perundangan Islam, pada 5 Disember, tahun lalu.

Beliau berkata, dua perundangan yang diwartakan itu ialah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mengesahkan sebahagian undang-undang keluarga Islam di negeri itu sudah diseragamkan dan diwartakan.

Di GEORGETOWN, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata Pulau Pinang adalah antara negeri yang sudah mewartakan undang-undang keluarga Islam, beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah negeri sedang mengkaji dan membuat perbandingan bagi memastikan tidak ada perbezaan ketara dengan Deraf Model Undang-Undang Islam yang diluluskan Majlis Raja-Raja.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kerajaan negeri akan merujuk kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis berhubung perkara itu.

Beliau berkata selepas diteliti oleh majlis, undang-undang itu akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan.

Di ALOR STAR, Yang Dipertua Jabatan Agama Islam (Jaik) Kedah, Datuk Sheikh Yahaya Jusoh, berkata pihaknya menyambut baik langkah penyelarasan itu tetapi perlu mengkaji enakmen yang perlu dipinda untuk tujuan berkenaan.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata pihaknya tidak mempunyai halangan dalam menyegerakan pewartaan undang-undang keluarga Islam di negeri ini.

"Ini cuma masalah dari aspek pentadbiran dan saya tidak sekat sebarang langkah untuk menyegerakan pewartaan yang dinyatakan. Malah, kalau lagi cepat lagi bagus kerana penyeragaman adalah sesuatu yang baik, terutama jika isunya membabitkan soal keluarga Islam," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, kerajaan negeri menyerahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk melihat perundangan keluarga Islam yang hendak diseragamkan.

"Sepatutnya yang diselarasakan ialah pentadbiran untuk melaksanakan Islam secara menyeluruh, termasuk hukum hudud dan qisas," katanya.

